

08/08/1998

Hanya pendakwah bertauliah dibenar

Faizal Fadzil; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan negeri perlu menguatkuasakan peraturan bagi memastikan hanya pendakwah bertauliah dibenar menyampaikan ceramah.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu perlu berikutan ramai penceramah dan pendakwah Islam di negara ini didapati cuba melaga-lagakan umat Islam dan bukan Islam.

Sambil merujuk peristiwa manusia bertukar menjadi khinzir apabila meninggal yang disampaikan seorang penceramah, baru-baru ini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata ceramah seumpama bertujuan memberi gambaran buruk terhadap imej Islam di kalangan masyarakat bukan Islam.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini, Dr Mahathir berkata, ceramah yang disampaikan boleh mencetuskan kebencian masyarakat bukan Islam terhadap umat Islam.

"Saya minta rakyat jangan mempercayai cerita seperti ini. Golongan ini memang ramai di negara ini yang terdiri daripada penceramah agama, pendakwah dan mereka yang mengaku ulama.

"Mereka mahu melaga-lagakan umat Islam dengan rakyat bukan Islam di negara ini," katanya.

Bagi menangani masalah itu, Dr Mahathir berkata, Umno juga sudah mengambil pendekatan dan tindakan untuk memberi penjelasan mengenai pemahaman Islam yang sebenar kepada rakyat.

Kegiatan penceramah dan pendakwah itu menjadi antara topik utama pada mesyuarat itu.

Ditanya mengenai kegiatan golongan tertentu yang menyebarkan cerita seperti rusuhan di Chow Kit dan peletakan jawatan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Internet, Perdana Menteri menyifatkan penyebar berkenaan sebagai pengkhianat negara.

Sambil meminta rakyat supaya tidak mempercayai pelbagai khabar angin berkenaan, beliau berkata, lebih banyak khabar angin seperti itu akan disebarkan melalui Internet untuk menimbulkan huru-hara serta memburukkan keadaan di negara ini.

Menurut beliau, pihak Barat amat gembira melihat pihak seperti ini menggunakan Internet untuk memburukkan keadaan di negara ini.

"Inilah masalah yang kita hadapi sekarang iaitu penggunaan Internet untuk menyebarkan surat layang cara moden iaitu menggunakan Internet untuk menimbulkan perasaan marah antara satu pihak dengan pihak lain.

"Kita tidak dapat mengesan mereka tetapi ini adalah kebebasan yang diagung-agungkan Barat sebagai satu hak asasi manusia untuk mencetus huru-hara dalam masyarakat mereka," katanya.

Dr Mahathir turut menafikan khabar angin yang tersebar luas menerusi Internet sejak beberapa hari lalu konon berlaku rusuhan serta usaha mengumpul senjata untuk merusuh oleh pendatang asing di ibu kota hari ini.

"Tidak ada, tidak betul, mereka sengaja buat untuk timbulkan huru-hara di negara kita... bohong, tidak ada langsung maklumat mengenainya," katanya.

Mengenai hubungan Malaysia dan Singapura, Perdana Menteri berkata, Umno menyokong pendirian kerajaan dalam menangani isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

Ditanya sama ada Umno akan mengadakan pertemuan dengan Parti Tindakan

Rakyat (PAP) Singapura, Dr Mahathir menjelaskan, Umno belum mempunyai cadangan untuk berbuat demikian.

Mesyuarat itu yang berlangsung lebih dua jam, turut membincangkan mengenai usaha memulihkan ekonomi negara dan cubaan pihak lain untuk menggagalkannya.

(END)